



PENGERUSI EKSEKUTIF KUMPULAN LBS DINOBAT ANUGERAH “2025 GREAT ASEAN ENTREPRENEUR EXCELLENCE AWARD”

Petaling Jaya, 3 Jun 2025 – LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”), pemaju hartanah terkemuka pilihan rakyat, dengan bangganya mengumumkan bahawa Pengerusi Eksekutif Kumpulannya, Tan Sri Dato’ Sri Ir. (Dr.) Lim Hock San, telah menerima Anugerah Kecemerlangan Usahawan ASEAN Terbilang 2025. Anugerah berprestij ini telah disampaikan dalam satu majlis yang berlangsung di InterContinental Kuala Lumpur, sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan cemerlang Tan Sri Lim dalam memacu pertumbuhan inovatif, inklusif dan mampan di sektor hartanah.

Di bawah pimpinan Tan Sri Lim, LBS telah berkembang daripada sebuah firma pembinaan sederhana kepada sebuah entiti dinamik dalam landskap hartanah Malaysia. Projek perbandaran pertama Kumpulan, Bandar Saujana Putra (BSP), yang dilancarkan pada tahun 2003, telah berjaya memajukan kawasan seluas 850 ekar menjadi sebuah komuniti yang pesat membangun. Pada tahun 2011, LBS melangkah ke dalam segmen pembangunan perumahan mewah *D’Island Residence*, yang menawarkan pengalaman eksklusif gaya hidup berkonsepkan resort di atas pulau. Tambahan terbaru portfolio ialah Centrum Iris, presint kedua di Cameron Centrum dan merupakan pembangunan komersial bercampur terbesar di Cameron Highlands, Pahang. Operasi LBS kini merentasi negeri Selangor, Pahang, Perak dan Johor, mencerminkan komitmennya dalam membina kediaman berkualiti dan mampu milik untuk semua rakyat Malaysia. Pendekatan Kumpulan menekankan kelestarian, kepuasan pelanggan serta pembangunan modal insan, di samping memupuk pertumbuhan komuniti.

Pada tahun 2025, LBS telah melancarkan Strategi 8 x 8 semasa Mesyuarat Tahunan “Town hall”. Pelan korporat tiga tahun ini (2025 – 2027) bertumpu kepada lapan bidang utama iaitu: Perumahan, Perindustrian & Komersial, Pengoptimuman Tanah, Pengejaran Kecemerlangan, Pemerkasaan Kakitangan, Pengalaman Pelanggan, Kelestarian, dan Kesejahteraan Komuniti.

Dengan nilai pembangunan kasar (GDV) dianggarkan sekitar RM8 bilion, strategi ini bertujuan untuk memacu LBS ke tahap inovasi dan kepimpinan yang lebih tinggi dalam industri.

Kepimpinan Tan Sri Lim mendorong LBS menerima pengiktirafan sebagai salah satu daripada Syarikat Pengurusan Terbaik Malaysia untuk tiga tahun berturut-turut, sekali gus membuktikan visi strategik dan kecemerlangan operasi Kumpulan.

“Anugerah ini merupakan cerminan usaha kolektif dan dedikasi seluruh pasukan LBS”, kata Tan Sri Lim. “LBS komited terhadap misi kami untuk menyediakan kediaman berkualiti serta memupuk komuniti lestari, memastikan setiap pembangunan kami terus memperkayakan kehidupan rakyat Malaysia.”

~Tamat~